

Lebih 4,000 kes baharu

Merekodkan 10 lagi kematian dengan Selangor masih catat kes tertinggi jangkitan Covid-19

KUALA LUMPUR

Bilangan kes baharu Covid-19 di negara ini kembali meningkat kepada lebih 4,000 kes selepas empat hari mencatat angka di bawah jumlah itu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, dengan 4,094 kes baharu pada Khamis, jumlah kumulatif kes positif Covid-19 di Malaysia kini mencecah 198,208 kes dengan 43,192 kes aktif.

Menurutnya, seramai 303 orang kini dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 118 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Sejumlah 4,086 daripada kes baharu yang dicatat hari ini (Khamis) ialah kes tempatan dengan 3,328 warganegara dan 758 bukan warganegara, manakala lapan kes import yang mendapat jangkitan di luar negara, melibatkan dua warganegara dan enam bukan warganegara.

"Kes kematian pula sebanyak 10 kes menjadikan jumlah kumulatif kematian akibat Covid-19 sejumlah 717 orang, manakala sembilan kluster baharu dikesan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, sejumlah 3,281 kes sembuh dicatatkan menjadikan jumlah kumulatif sembuh daripada

Covid-19 ialah 154,299 orang.

Katanya, Selangor masih mencatat kes harian baharu paling tinggi dengan 1,577 kes, diikuti Johor 717 kes; Kuala Lumpur (678); Sabah (282); Sarawak (171); Pulau Pinang (99); Perak (94); Kedah (92); Terengganu (80); Melaka (73); Pahang (72); Labuan (55); Negeri Sembilan (48); Kelantan (37); Putrajaya (10); dan Perlis (sembilan kes).

Mengenai sembilan kluster baharu, Dr Noor Hisham berkata, lima daripadanya ialah kluster tempat kerja, tiga kluster komuniti dan satu kluster kumpulan berisiko tinggi.

Beliau berkata, kluster tem-

pat kerja melibatkan Kluster Jalan Faizal; Kluster Jalan Satria; Kluster Jalan Dewani Satu yang kesemuanya di Johor, manakala Kluster Industri Peramu Jaya di Pahang dan Kluster Taman Mahkota Impian di Labuan, Sabah.



"Kluster komuniti pula melibatkan Kluster Jalan Pakat di Selangor, Kluster Indah Riang di Sarawak dan Kluster Kampung Kemansur di Pahang, manakala kluster kumpulan berisiko tinggi ialah Kluster Jalan Kejora di Melaka.

"Jumlah keseluruhan kluster dalam negara kini 779 kluster, dengan 372 daripadanya ialah kluster aktif," katanya. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM


* Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 28 Januari 2021

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU
198,208	154,299	303	717	+4,094



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 194,114 kes kepada 198,208 kes